

# Pemimpin Kelantan tidak terbuang

Kedudukan Mustapa, Zaid dalam Kabinet bantu perkasa, pacu pembangunan

Oleh Wan Faizal Ismayatim

**K**ETIKA Pas sudah membariskan barisan Exco dan membentuk kerajaan di Kelantan buat penggal kelima selepas pilihan raya umum 8 Mac lalu, rakyat Kelantan seharusnya gembira dengan pelantikan dua wakilnya dalam Kabinet baru Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Meskipun Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan teruk di Kelantan, pelantikan Datuk Mustapa Mohamed serta Datuk Zaid Ibrahim yang dilantik sebagai senator membuktikan sikap tidak 'pilih bulu' Perdana Menteri dalam memilih barisan Kabinet bagi memacu pembangunan negara.

Mustapa, beralih portfolio daripada Kementerian Pengajian Tinggi kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, manakala Zaid yang tidak bertanding pada pilihan raya umum lalu pula diberi portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Malah, pelantikan dua menteri penuh itu melebihi kuota seorang menteri dan timbalan menteri, iaitu Mustapa dan Datuk Dr Awang Adek Hussin yang diberikan kepada wakil Kelantan ketika pembentukan Kabinet pada 2004.

Sejak di bawah Pas pada 1990, hanya pada 1999 menyaksikan tiada seorang pun wakil dari Kelantan dipilih sebagai menteri penuh bagi membarisi Kabinet Kerajaan Persekutuan ketika di bawah pentadbiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Wakil Kelantan yang pernah menganggotai Kabinet sejak 18 tahun lalu ialah Datuk Seri Annuar Musa (Menteri Belia dan Sukan dan Menteri Pembangunan Luar Bandar 1990-1999) dan Datuk Ibrahim Ali (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri - 1999).

Sepanjang tempoh sama, Mustapa yang juga Ahli Parlimen Jeli adalah menteri dari Kelantan yang paling banyak diberi kepercayaan dalam Kabinet, iaitu pernah

menjabat Menteri Pembangunan Usaha-wan dan Koperasi (1995-1999), Menteri Kewangan Kedua (1998-1999), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2004-2006) dan Menteri Pengajian Tinggi (2006-2008).

Pelantikan dua menteri itu menyaksikan Kelantan memiliki lebih suara berbanding tiga negeri dimenangi BN pada pilihan raya lalu, termasuk Terengganu yang mempunyai seorang menteri dan dua timbalan menteri; Melaka; dua timbalan menteri, manakala Perlis tidak mempunyai wakil.

Pada pilihan raya umum lalu, BN tewas kepada Pas selepas hanya memenangi enam kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 45 yang dipertandingkan, selain menang dua daripada 14 kerusi Parlimen menerusi Mustapa dan Tengku Razaleigh Hamzah di Gua Musang.

Ketika mengulas pelantikannya sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Mustapa yang mesra dengan panggilan 'Tok Pa' di kalangan masyarakat Jeli menyifatkan tugas barunya itu adalah tanggungjawab berat memandangkan pertanian adalah antara sektor terpenting dalam negara.

"Saya menganggap pelantikan ini sebagai satu amanah dan tanggungjawab besar yang akan sedaya upaya saya pikul untuk meningkatkan lagi bidang pertanian, khususnya memartabatkan lagi golongan petani dan mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan," katanya.

Bidang pertanian diakui sangat penting dalam melonjakkan sosioekonomi rakyat khususnya penduduk luar bandar. Maka, atas dasar itu, kerajaan menyediakan peruntukan besar, iaitu sebanyak RM6.9 bilion sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Pertumbuhan kukuh ekonomi negara iaitu sebanyak 6.7 peratus sepanjang tahun lalu turut didorong prestasi teguh sektor pertanian yang mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus.

Justeru, Mustapa bercadang meneruskan perancangan dibuat menteri terdahulu, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menekankan kepada konsep pertanian adalah perniagaan sambil tumpuan turut diberi untuk meningkatkan taraf hidup petani.

"Saya perlu banyak belajar daripada

Muhyiddin, tambahan lagi agenda sektor pertanian lebih besar serta penting kepada negara," katanya selepas disambut warga Jeli sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Khamis lalu.

Ketika bergelar Menteri Pengajian Tinggi, Mustapa turut memainkan peranan membangunkan bidang pertanian di universiti, termasuk penubuhan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang memberi penekanan membangunkan industri berasaskan pertanian.

Selain itu, Mustapa turut mencetus penubuhan kursus berasaskan pertanian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) tidak lama lagi bagi membangunkan modal insan Bumiputera dalam bidang itu.

Pemerhati politik pula menganggap pelantikan Mustapa sebagai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai tepat memandangkan beliau adalah tokoh berwibawa yang mempunyai banyak pengalaman dengan latar belakang pendidikan dalam bidang ekonomi.

Pemilihan Mustapa dilihat mampu memastikan agenda kerajaan untuk menjadikan Kelantan sebagai antara pengeluar utama hasil berasaskan pertanian untuk kepentingan rakyatnya tetap terlaksana, walaupun negeri itu masih tidak diperintah BN sejak sekian lama.

Sudah pasti, Mustapa akan memberi ketutamaan terhadap kelancaran projek berasaskan pertanian di Kelantan seperti Terminal Makanan Negara (Teman) di Kota Bharu bernilai RM110 juta yang sedang dalam pembinaan yang dijangka mampu mengendalikannya urus niaga 500,000 tan hasil pertanian bernilai RM1 bilion setahun.

Projek perintis itu juga bakal memberi manfaat kepada lebih 21,000 keluarga petani, penternak, nelayan dan pengusaha perusahan kecil dan sederhana (PKS) industri asas tani di Kelantan dan Pantai Timur.

Sementara itu, Zaid, 57, bekas Ahli Parlimen Kota Bharu pada 2004 hingga 2008, menganggap pelantikannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menajaga hal ehwal undang-undang amat mengejutkannya kerana beliau tidak dipilih bertanding pada pilihan raya umum lalu.

"Saya kira nasib seseorang itu macam-macam, memang saya tak terpilih sebagai calon untuk bertanding pilihan raya, tapi saya tak anggap itu perkara besar.. ini terpulung kepada kebijaksanaan pemimpin dan Perdana Menteri, saya terima keputusan beliau," katanya.

Selain mempunyai firma guaman sendiri, Zaid turut aktif dalam program kemasyarakatan apabila menubuhkan Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (Yokuk) yang menawarkan perkhidmatan pemulihan secara percuma kepada golongan OKU sejak diasaskan pada 1999.

Sehingga kini, Yokuk mempunyai seramai 2,500 ahli berdaftar terdiri daripada kanak-kanak dan dewasa yang mengalami masalah seperti sindrom down, cerebral palsy serta catat anggota badan.

Pelantikan dua pemimpin berkenaan turut mendapat sokongan daripada Umno Kelantan yang menyifatkan pemilihan mereka dalam Kabinet adalah tepat berdasarkan keupayaan dan kepakaran yang dimiliki mereka.

Ketua Penerangan Umno Kelantan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kok Lanas, Datuk Alwi Che Ahmad, berkata pelantikan dua pemimpin Kelantan itu menambahkan lagi barisan mantap dalam senarai Kabinet Perdana Menteri yang berwajah baru.

"Saya melihat pelantikan mereka pada landasan yang betul kerana Zaid memiliki pengalaman luas dalam bidang undang-undang, manakala Mustapa boleh meningkatkan lagi pertanian negara," katanya.

Pemuda Umno Kelantan pula menghargai jasa Perdana Menteri kerana memberi tempat kepada pemimpin dari Kelantan dalam Kabinetnya kali ini dan berharap mereka yang dipilih melaksanakan amanah yang diberi sebaik mungkin.

Ketuanya, Dali Hussin, berkata Pemuda Umno Kelantan yakin dua pemimpin terabit mampu merealisasikan harapan Perdana Menteri dan rakyat.

"Pemilihan Mustapa bertepatan dengan pengalaman yang amat diperlukan, terutama untuk Kelantan sebagai negeri pertanian dan kita berharap beliau akan membawa satu perubahan kepada sektor pertanian negara," katanya.